

Headline	Takaful bayar untung perkongsian		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	02 Nov 2011	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	B4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	151 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 343
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,030



# Takaful bayar untung perkongsian

KUALA LUMPUR, Selasa — Syarikat Takaful Malaysia Bhd (Takaful Malaysia) telah membayar untung perkongsian Mudharabah berjumlah RM578,000 kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk Skim Takaful Kumpulan mereka. Skim itu tamat dalam tahun kewangan 2010.

Keuntungan diberikan di bawah pakej Takaful Perubatan Kumpulan dan Takaful Keluarga bertempoh kumpulan yang dilanggan oleh UKM.

Noraini Yusof, Penolong Pengurus Besar untuk Jualan Korporat Langsung, Perbendaharaan dan Cawangan berkata, syarikat adalah yang pertama menyediakan kontrak Takaful berasaskan model perniagaan Mudharabah kepada semua pesertanya.

Sejak 1984, Takaful Malaysia membayar purata 15 peratus rebat bukan tuntutan dengan purata RM18 juta rebat tunai setiap tahun, kata beliau.

“Sehingga sekarang, 5,887 perusahaan multinasional, kecil dan sederhana mendapat manfaat daripada rebat tunai ini,” kata beliau dalam satu kenyataan.

Syarikat menawarkan model perniagaan Takaful Malaysia Mudharabah secara am dan Produk Takaful Keluarga

terpilih termasuk Takaful Perubatan Kumpulan dan Takaful Keluarga Bertempoh Kumpulan.

Sementara itu, Takaful Malaysia telah melancarkan kempen pengiklanan, dengan slogan “We Should Talk” untuk meningkatkan kesedaran terhadap tawaran 15 peratus rebat bukan tuntutan.

Untuk butiran lanjut mengenai rebat itu boleh diakses menerusi takaful-malaysia.com.my atau menghubungi talian bebas tol 1-300 8 Takaful (825 2385) atau emel csu@takaful-malaysia.com.my. — Bernama